AUTHOR: YAP SIONG HAN SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 8 PRINTED SIZE: 257.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,779.00 ITEM ID: MY0071215814



22 SEP, 2026

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMS bawa STEM, STI lebih dekat kepada masyarakat

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membawa Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) lebih dekat kepada sekolah, generasi muda dan masyarakat di Sabah.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, sebagai sebuah universiti awam di Sabah, peranan UMS bukan hanya untuk melahirkan graduan dan menghasilkan penyelidikan, sebaliknya ilmu dan kepakaran yang dibangunkan di universiti perlu dibawa keluar daripada kampus.

"Ilmu dan kepakaran yang dibangunkan di universiti perlu dibawa keluar daripada kampus supaya dapat memberi manfaat kepada sekolah, komuniti dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pembukaan Program Malaysia Techlympics Peringkat Zon Sabah 2026 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Mohammad Yusof Apdal di sini semalam. Teks ucapan Kasim disampaikan oleh Ketua Pustakawan UMS, Zawawi Tiyunin.

Kasim berkata, sepanjang 2025, UMS mengadakan sebanyak 73 program STEM dan STI di seluruh Sabah dengan penglibatan melebihi 60,000 murid, pelajar serta masyarakat.



WATIKAH: Yusof (tiga kiri) menyampaikan Watikah Pelantikan Saintis STI 100 2026 kepada penerima. Turut kelihatan Zawawi (dua kiri).

Katanya, sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KPSTI), khususnya dalam bentuk dana, membolehkan UMS bergerak ke banyak daerah terutama kawasan luar bandar Sabah.

"Pendekatan kita cukup jelas... kita bukan hanya menunggu masyarakat datang ke universiti, kita juga membawa universiti kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata, UMS mahu anak-anak Sabah memahami sains bukan sekadar formula di dalam buku teks, manakala teknologi bukan sekadar peranti yang digunakan setiap hari.

"Sains sebenarnya berada di sekeliling kita... dalam kesihatan, pertanian, alam sekitar, biodiversiti, lautan dan teknologi, malah dalam muzik dan seni," jelasnya.

Dalam pada itu katanya, Program Pembudayaan STI Bersepadu Zon Sabah 2026 merupakan platform penting untuk membawa sains, teknologi dan inovasi lebih dekat kepada masyarakat serta membina minat generasi muda terhadap bidang STEM.

Beliau berkata, pelbagai pengisian disediakan termasuk STEM Speaker Series, forum bersama Angkasawan Mejar Dr. Faiz Khaleed, Next-Gen Tech@MOSTI, Science Show, Astronomi Inklusif, Teater Sains, Advokasi Nuklear, Rehlah Sains, pencerapan matahari serta UMS Tour.

"Kesemua aktiviti ini membawa satu mesej yang jelas iaitu sains perlu didekatkan kepada masyarakat dan dibudayakan dalam kehidupan seharian," katanya.

Menurutnya, pembudayaan STI tidak dapat digerakkan oleh satu pihak sahaja dan memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, universiti, sekolah, industri serta masyarakat.

"Besar harapan saya agar Program Pembudayaan STI Bersepadu Zon Sabah 2026 ini bukan sekadar sebuah acara, tetapi jadi pemangkin kepada hubungan yang lebih kukuh antara universiti, sekolah, kerajaan, industri dan masyarakat, serta membuka lebih banyak peluang kepada generasi muda Sabah untuk meneroka bidang sains, teknologi dan inovasi," katanya.

Beliau berkata, UMS berharap kepercayaan, sokongan dan kerjasama yang terjalin terus diperkukuhkan dalam usaha melahirkan generasi Sabah yang berilmu, kreatif, inovatif dan bersedia menghadapi masa hadapan.*

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: YAP SIONG HAN SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 8 PRINTED SIZE: 257.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,779.00 ITEM ID: MY0071215814



22 SEP, 2026

UMS bawa STEM, STI lebih dekat kepada masyarakat

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membawa Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) lebih dekat kepada sekolah, generasi muda dan masyarakat di Sabah. Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, sebagai sebuah universiti awam di Sabah, peranan UMS bukan hanya untuk melahirkan graduan dan menghasilkan penye lidikan, sebaliknya ilmu dan kepakaran yang dibangunkan di universiti perlu dibawa keluar daripada kampus.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.